

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : USAHA BAIKPULIH SUMBER AIR YANG BERLUMPUR KESAN
AKTIVITI PEMBALAKAN**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengembalikan sumber air bersih yang telah tercemar dengan lumpur akibat aktiviti pembalakan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Apakah tindakan penguatkuasaan terhadap kontraktor balak yang telah menyebabkan sumber air di kawasan Hulu Langat tercemar dengan lumpur?

JAWAPAN:

- a) Usaha penyelenggaraan sungai dijalankan berdasarkan keperluan dan pemantauan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. tumpuan skop penyelenggaraan sungai juga diberikan kepada isu kualiti air selain daripada kuantiti air bagi keperluan muka sauk dan tebatan banjir.

Pepejal terampai atau lumpur (slit) akibat hakisan tanah daripada projek pembangunan dan pembalakan akan mendap di dasar sungai dalam suatu tempoh masa dan memberikan kepada kuantiti sungai. Kerja-kerja penyelenggaraan sungai yang biasanya dilaksanakan bagi tujuan kuantiti air akan turut menyelesaikan mendapan di sungai yang menyumbang kepada peningkatan kualiti air sungai.

- b) Kawasan yang dimaksudkan adalah di Kampung Hulu Perdik di dalam Daerah Hulu Langat iaitu kawasan yang terlibat dengan projek menaiktaraf Talian Penghantaran Elektrik TNB daripada Kg. Pandan Ampang – East. Pihak JPNS melalui kelulusan MMKN telah melantik pelesen pembalakan melalui tender terbuka. Pada September 2018, pihak JPNS telah mengeluarkan arahan berhenti kerja sementara (stop work of order) sehingga kini kepada pihak pembalak. Arahan berhenti kerja ini adalah saranan daripada pasukan task force yang ditubuhkan bagi memantau pencemaran air dan pembaikan punca sumber air kepada penduduk sekitar. Kawasan tersebut ini juga sedang dalam proses

penyelenggaraan pembaikan dan pelan rancangan mitigasi pencemaran air yang sedang dilaksanakan pihak TNB dan kontraktor pembalakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : JENAYAH DAN KESELAMATAN

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik jenayah di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang?
- b) Adakah PDRM dan Kerajaan Negeri bercadang untuk membuka balai polis di dalam kawasan Kampung Tradisi Pulau Indah, Pelabuhan Klang?

JAWAPAN:

- a) Ulasan daripada PDRM adalah seperti di bawah:-

BIL	KAWASAN	JUMLAH KES		
		2016	2017	2018
1.	TELUK GONG	38	41	29
2.	PULAU INDAH	53	39	43
3.	PANDAMARAN JAYA	22	19	16
4.	PELABUHAN KLANG	199	196	136
JUMLAH BESAR		312	295	224

- b) Untuk makluman Pulau Indah telah mempunyai pondok polis yang terletak di markas Marin Port Klang, Pulau Indah. Oleh yang demikian dicadangkan pondok polis di Pulau Indah dinaiktaraf sebagai Balai Polis yang mempunyai kekuatan anggota dan perjawatan yang baru dan dicadangkan ditempatkan di kawasan perindustrian Pulau Indah berdasarkan justifikasi berikut:-
 - i) Populasi penduduk sebanyak 32,000 orang dan keluasan Pulau Indah 40.7KM persegi.
 - ii) Jumlah repot polis adalah sebanyak 5800 dalam tempoh 3 tahun bermula 2016 hingga Oktober 2018.
 - iii) Indeks jenayah bagi tempoh 3 tahun 2016 hingga Oktober 2018 sebanyak 135 kes.
 - iv) Kegiatan ekonomi di Pulau Indah adalah kawasan perindustrian sebanyak 673 buah kilang dan juga merupakan tempat untuk kapal-kapal berlabuh iaitu

Westport dan PKFZ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PROJEK TERBENGGKALAI

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Projek-projek terbengkalai, status, tindakan semasa dan anggaran tempoh penyelesaian dalam Pentadbiran MPAJ.

JAWAPAN:

- a) 1. **SENARAIKAN PROJEK-PROJEK TERBENGGKALAI :**

1.1 Perumahan : 4 Projek

- i. Cadangan Membina 1 Blok Pangsapuri Kos Sederhana Rendah (PKSR) 11 Tingkat Yang Mengandungi 120 Unit Dengan Kemudahan Awam Seperti Surau, Tadika Dan Dewan Serbaguna Serta Tempat Letak Kereta Di Tingkat Basemen, Di Atas Lot 648, 649, 824 Dan 821, Kampung Pasir, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
- ii. Cadangan Membina 1 Blok Pangsapuri Kos Sederhana (PKS) 8 Tkt Yang Mengandungi 60 Unit Dengan Kemudahan Awam Seperti Surau, Tadika Dan Dewan Serbaguna, Berserta 2 Unit Pencawang Elektrik Di Atas Lot 648, 649, 824 Dan 821, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor.
- iii. Cadangan Projek Perumahan Taman Kencana 3 untuk membina 47 unit Rumah Link 2 tingkat di atas lot 38123 – 38129, Lot 38131-38144 dan Lot 38145-38129, Mukim Ampang, Daerah hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. (Taman Kencana Fasa 3, Ampang)
- iv. Cadangan 23 Unit Rumah Teres Dan Rumah Kelab, Bukit Antarabangsa Superview Development Sdn. Bhd.

1.2 Industri : 1 Projek

- i. Cadangan Membina Semula 27 Unit Kilang Teres Dan Sebuah Pencawang Elektrik "Double Chamber" Sub Lot 37434-37442, Jalan Tasek Tambahan 2, Kg. Tasek Tambahan, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor.

2.0 TINDAKAN SEMASA DAN ANGGARAN TEMPOH PENYELESAIAN:

Pihak Majlis akan mengemukakan laporan status projek terbengkalai kepada pihak Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor dan KPKT. Pihak Majlis bersama agensi teknikal akan membantu dari segi penyelarasan tindakan bagi menyelesaikan isu berkaitan.

Pihak Majlis tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan tempoh penyiapan projek terbengkalai. Walau bagaimanapun pihak Majlis akan membuat lawatan pemeriksaan tapak bagi pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : GELANGGANG SUKAN

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat menambah gelanggang-gelanggang sukan untuk rakyat di setiap daerah?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan gelanggang-gelanggang futsal yang dibina sebelum ini agar dapat digunakan oleh golongan belia?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang dana untuk mewujudkan satu litar motor rakyat di kawasan luar bandar untuk menangani budaya rempit dalam kalangan orang muda?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menyediakan serta membaikpulih kemudahan sukan seperti gelanggang futsal, gelanggang sepak takraw, gelanggang badminton dan bola jaring serta kemudahan sukan yang lain di Negeri Selangor untuk kegunaan semua golongan masyarakat setempat.

Berikutan, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM40,000.00 bagi setiap DUN melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) masing-masing bagi Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan di peringkat DUN untuk semua Kemudahan Sukan di Negeri Selangor.

Di samping itu, Kerajaan Negeri sedang dalam tindakan untuk menyediakan kemudahan sukan untuk masyarakat dalam usaha untuk memastikan kemudahan sukan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berada dalam keadaan yang baik dan selamat untuk kegunaan masyarakat setempat. Justeru itu, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) sedang dalam usaha untuk mendapatkan inventori tersebut daripada pihak PBT memandangkan inventori tersebut adalah di bawah pemantauan dan kawal-selia pihak PBT masing-masing.

Seterusnya, dalam usaha untuk memastikan kemudahan sukan termasuk gelanggang futsal yang dibaikpulih dapat digunakan oleh golongan belia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) perlu memantau dan mengawal selia kemudahan-kemudahan sukan tersebut dan memastikan ianya dalam keadaan baik dan dapat digunakan oleh masyarakat setempat.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa peka dan maklum dalam menangani budaya merempit dalam kalangan anak muda. Namun begitu, setakat ini Kerajaan Negeri tiada sebarang dana bagi mewujudkan satu litar motor rakyat di kawasan luar bandar untuk menangani budaya ini. Hal ini demikian kerana ianya perlu melalui proses penelitian yang khusus dan melibatkan pelbagai aspek seperti aspek keselamatan, struktur tanah dan sebagainya. Walau bagaimanapun pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM186,740.00 untuk Projek Membaikpulih Litar Lumba Rakyat Kompleks Sukan Kuala Selangor untuk kegunaan anak muda dan dijadikan sebagai tempat untuk melaksanakan aktiviti permotoran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : TADIKA DI TAMAN PERUMAHAN

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pemaju selalunya akan membina kemudahan-kemudahan awam dalam membangunkan sesuatu kawasan. Salah satu daripadanya ialah tadika yang kemudiannya akan diserahkan kepada PBT untuk disewa. Apakah ini satu syarat mandatori ataupun ianya hanya mengikut dasar sesuatu PBT semata-mata?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi 3), penyediaan kemudahan pendidikan tadika ialah salah satu keperluan yang disyaratkan kepada pemaju dalam suatu pembangunan yang melibatkan bilangan unit rumah melebihi 200 unit. PBT hanya meluluskan Kebenaran Merancang dan seterusnya tapak-tapak tadika ini akan diwartakan dan diserahkan kepada agensi kerajaan yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : ISU DEWAN PARTI POLITIK ATAS TANAH KERAJAAN

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cara untuk menyelesaikan dewan yang diurus oleh parti politik yang dibina atas tanah kerajaan?
- b) Sila nyatakan bilangan, lokasi dan status dewan parti politik dibina atas tanah kerajaan yang belum selesai ambil alih.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 7 november 2016 telah bersetuju mana-mana dewan / bangunan yang dibina atas tanah kerajaan yang belum diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan akan di ambil tindakan oleh Pentadbir Tanah Daerah berdasarkan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965.
- b) Berikut merupakan dewan yang masih belum selesai diambil alih :

Bil	Nama dewan	Lokasi
1.	Dewan MCA	Desa Kuala Garing
2.	Dewan MIC	Kuala Garing
3.	Dewan MCA	Bukit Rawang Jaya
4.	Perpustakaan	Kg Sungai Terentang
5.	Dewan MCA	Bandar Country Homes

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SUMBER HASIL PENDAPATAN BAHARU NEGERI

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri melalui anak-anak syarikat milik Kerajaan untuk meneroka sumber hasil pendapatan baharu buat negeri serta mengurangkan kebergantungan kepada pendapatan hasil premium tanah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri telah menyediakan beberapa komponen inisiatif untuk mencipta aliran pendapatan yang baharu kepada negeri seperti:

- 1) **Selangor Maritime Gateway (SMG)**, merupakan satu projek baru yang telah diluluskan pada Mac 2018 dengan pelantikan pelaksana projek Landasan Lumayan Sdn Bhd (syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor). Inisiatif jangka masa panjang ini berperanan meneroka potensi Sungai Klang di samping memastikan pembangunan sosial, ekonomi dan persekitaran yang mampan. Ia terbahagi kepada tiga fasa utama iaitu pembersihan, pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang.

Projek ini akan mengenalpasti peluang pembangunan tanah baru sepanjang 56km Sungai Klang dengan zon-zon yang telah dikenalpasti untuk perumahan, komersil, kemudahan awam, taman dan projek pelancongan.

- 2) Dalam perangkaan **ekonomi digital** pula, Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) dan Smartsel Sdn Bhd sedang giat membina asas sokongan ke arah penggalakkan penyertaan kerajaan serta masyarakat dalam pembangunan ekonomi digital. Ini termasuklah dengan pembangunan rangkaian digital merangkumi pelan gentian optik (fiberisation) untuk mengoptimumkan infrastruktur digital dan memanfaatkan teknologi cloud untuk perniagaan mahupun pentadbiran kerajaan sama ada di peringkat Kerajaan Negeri Selangor seperti dalam urusan tanah dan sebagainya, dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain itu pelbagai aplikasi serta projek perintis yang telah dikenalpasti, sedang diusahakan dan dilaksanakan termasuklah pembangunan aplikasi Smart Parking, Smart Selangor Pasar. Sistem Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless System), serta program Epicentre dan Accelator yang akan menggalakkan pembangunan industri IT dan inovatif.

- 3) KDEB Waste Management Sdn Bhd juga sedang meneroka peluang **ekonomi kitaran (*circular economy*)** melalui kitaran semula sisa pepejal untuk penjanaan kuasa (waste to energy) dan penggunaan teknologi hijau yang membolehkan pembangunan ekonomi mampan selain menggalakkan penjagaan dan pemuliharaan persekitaran yang efisien.
- 4) MBI Selangor juga sudah memulakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan melalui Perbadanan Aset Keretapi (Railway Asset Corporation) untuk meneliti sebarang peluang kerjasama dalam pembangunan tanah di sekitar negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : STATUS CF UNTUK KLINIK DAN HOSPITAL DI SELANGOR

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan status klinik-klinik dan hospital yang tidak mempunyai CF di Selangor.
- b) Senaraikan status klinik-klinik dan hospital yang mempunyai CF di Selangor

JAWAPAN:

- a)
- b)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : POLISI DAN SYARAT PERNIAGAAN DOBI LAYAN DIRI

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk menambahbaik polisi dan syarat perniagaan dobi layan diri berikutan insiden-insiden jenayah dan keselamatan yang berlaku?

JAWAPAN:

- a) Kebelakangan ini kerap berlaku insiden jenayah dan keselamatan yang melibatkan premis dobi layan diri. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sedang menimbangkan untuk mensyaratkan supaya pihak pengusaha perlu mendapatkan kelulusan pemeriksaan pihak Bomba pada setiap tahun terutamanya bagi pemeriksaan paip gas yang digunakan untuk mesin pengering pakaian (*dryer*) serta meningkatkan kawalan keselamatan dengan memasang kamera litar tertutup (CCTV) yang mencukupi di dalam premis perniagaan. Selain daripada itu pencahayaan premis dan masa operasi perniagaan akan turut diteliti agar dapat mengurangkan risiko insiden jenayah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : BIASISWA MENTERI BESAR

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini biasiswa Menteri Besar?
- b) Nyatakan jumlah penerima biasiswa dari 2016-2018.
- c) Nyatakan jumlah permohonan yang ditolak dari 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar telah dilaksanakan bermula tahun 2017 setelah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 11 Oktober 2017. Biasiswa ini telah diteruskan pada tahun 2018 dan Kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan program ini pada tahun 2019 dengan beberapa cadangan penambahbaikan dasar.
- b) Jumlah penerima mengikut pecahan tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penerima
2016	Tidak berkaitan
2017	20
2018	14

- c) Jumlah permohonan yang ditolak adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Jumlah Permohonan Ditolak
2016	Tidak berkaitan
2017	50
2018	43

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : MENJADIKAN PADANG SEKOLAH SEBAGAI PADANG AWAM

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah Kerajaan Negeri membantu supaya padang sekolah dijadikan padang awam untuk kegunaan masyarakat setempat?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : HASIL KAJIAN JETI-JETI DI NEGERI SELANGOR

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri di dalam pembangunan jeti-jeti di Negeri Selangor?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri ke atas jeti-jeti di kawasan Port Limit yang didirikan di atas tanah Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Kajian Pengurusan Jeti Negeri Selangor yang dijalankan, Pelan Tindakan Pengurusan Jeti Negeri Selangor telah diwujudkan. Pelan tindakan tersebut merangkumi:
 - 1. Penutupan, penambahbaikan atau menaiktaraf serta pengurangan jeti berdasarkan lokasi dan persekitaran;
 - 2. Menghadkan bilangan jeti yang diperlukan di sesebuah kawasan;
 - 3. Menyelesaikan isu jeti melalui strategi melibatkan:
 - i. Penggunaan tanah
 - ii. Pemilikan jeti
 - iii. Had bilangan bot dan nelayan
 - iv. Saiz jeti
 - v. Kesesakan bot dan sampan
 - vi. Lokasi
- b) Kerajaan Negeri melalui LUAS sedang menjalankan Kajian Kepenggunaan Jeti Komersil dan Mod Pengangkutan di Sungai Langat dan Sungai Klang. Kajian yang dijalankan di dalam peringkat laporan draf akhir.

Kajian ini disasarkan untuk menyediakan pelan pembangunan jeti komersial di Sungai Langat dan Sungai Klang yang merangkumi:

- i. kepenggunaan jeti serta kebolehpayaan mod pengangkutan darat dan air dalam memenuhi keperluan ekonomi dan perindustrian semasa dan pada masa hadapan;
- ii. Kaedah/pendekatan terbaik dalam pengurusan/pembangunan jeti komersial di Sungai Langat dan Sungai Klang; dan
- iii. Semakan dan cadangan had bilangan jeti berdasarkan keupayaan sungai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMBELAAN KAUM PEKERJA

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa peluang-peluang pekerjaan anak-anak tempatan tidak di anak tirikan oleh pekerja-pekerja asing?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, tiada perancangan atau dasar Kerajaan Negeri yang khusus untuk memastikan pekerja (terutama swasta) terbela jika terdapat penganiayaan oleh majikan-majikan. Namun begitu, pekerja-pekerja swasta yang teraniaya boleh merujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja atau Jabatan Perhubungan Perusahaan untuk maklumat dan tindakan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PEMBINAAN SEMULA PASAR BANDAR LAMA PETALING JAYA

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan semula pasar bandar lama Petaling Jaya?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini, pihak Majlis belum lagi membuat perancangan membina semula pasar Bandar Lama Petaling Jaya dan hanya meneruskan aktiviti kerja-kerja penyelenggaraan tahunan mengikut keperluan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : DASAR BERKENAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan secara menyeluruh yang menyentuh permasalahan struktur orang kelainan upaya (OKU) dan sejauh mana Kerajaan komited terhadap agenda ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan amat prihatin terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) khususnya di Negeri Selangor. Golongan Orang Kurang Upaya(OKU) yang merupakan sebahagian daripada masyarakat mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti masyarakat yang lain.

Hak-hak golongan OKU dimartabatkan dalam peruntukan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang mentakrifkan OKU sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

Pendekatan berasaskan hak atau *right-based* dan juga kerjasama bersepadu daripada semua pihak serta penglibatan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan serta pertubuhan bukan Kerajaan, ahli akademik, pakar perubatan, pekerja sosial, sukarelawan dan masyarakat umumnya dalam memastikan pelaksanaan Dasar OKU ini dapat direalisasikan.

Pada tahun 2018, sejumlah **RM967,846.25** telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi penyediaan kemudahan kepada orang kurang upaya (OKU) kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Projek-projek menaiktaraf kemudahan OKU adalah seperti menambah bilangan petak kereta untuk OKU serta kemudahan-kemudahan lain yang mesra OKU seperti *handrail*, *ramp* dan laluan pejalan kaki khas '*tactile*'.

Pihak Kerajaan juga telah memberikan keistimewaan dan kemudahan kepada golongan OKU seperti berikut:

1. Pengecualian bayaran My Kad, Sijil kelahiran dan Sijil Kematian

2. Pengecualian bayaran rawatan perubatan
3. Pengecualian duti import alat tiruan/sokongan
4. Program Pendidikan Khas/Integrasi/Inklusif daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
5. Elaun RM 150.00 sebulan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
6. Bantuan Kewangan pelajar OKU di IPT/Politeknik/Kolej Komuniti daripada Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Diskaun/potongan 40%, yuran pengajian di *Open Universiti Malaysia* (OUM)
8. Dasar 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam
9. Waktu bekerja anjal
10. Pencen terbitan kepada anak penjawat awam yang telah meninggal dunia
11. Sistem penempatan OKU(SPOKU) daripada Kementerian Sumber Manusia
12. Skim Bantuan Galakan Perniagaan (SBGP-OKU) daripada Kementerian Sumber Manusia
13. Kemudahan dan galakan pelepasan cukai pendapatan daripada LHDN
14. Pengecualian cukai jalan daripada JPJ
15. Pengecualian bayaran pembaharuan lesen memandu daripada JPJ
16. Pengecualian duti eksais kenderaan OKU buatan Malaysia
17. Diskaun tambang pengangkutan awam
18. Pengecualian bayaran dokumen perjalanan (Passport)
19. Pengecualian bayaran dan pembaharuan daftar syarikat/lesen perniagaan daripada SSM
20. Potongan harga 20% pembelian rumah daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad
21. Kadar sewa rumah yang rendah (PBT terpilih)
22. Kemudahan perkhidmatan daripada Telekom Malaysia

23. Khidmat nasihat dan kaunseling

24. Institusi Pemulihan/Latihan OKU

25. Bantuan daripada JKM kepada yang layak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan;

- Elaun Pekerja Cacat (EPC)
- Elaun Pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- Bantuan OKU tidak berupaya Bekerja (BTB)
- Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)
- Bantuan Latihan Aperantis (BLA)
- Geran Pelancaran (GP)
- Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PRESTASI PELABURAN SELANGOR

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai pelaburan yang dijangka untuk tahun 2019 berbanding tahun 2018?
- b) Apakah pembaharuan polisi Kerajaan Negeri bagi memastikan Selangor sebagai destinasi pelaburan utama dalam Negara?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan senario pelaburan semasa, pihak Kerajaan Negeri menjangkakan nilai pelaburan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM 5 bilion bagi tahun 2019.
- b) Bagi memastikan Selangor terus kekal sebagai destinasi pelaburan utama dalam Negara, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sedang giat mempromosikan beberapa industri tumpuan utama berdasarkan potensi yang ada di negeri Selangor. Antara industri tumpuan utama tersebut seperti berikut;-
 - i. Elektrik & Elektronik (Electrical & Electronics)
 - ii. Peralatan Pengangkutan / (Transport Equipments)
 - iii. Sains Hayat / (Life Sciences)
 - iv. Makanan dan Minuman / (Food & Beverages Industries)
 - v. Mesin dan Peralatan / (Machinery & Equipment)

Selain itu, Kerajaan Negeri juga melalui Invest Selangor selaku agensi penggalakkan pelaburan Negeri akan terus melaksanakan inisiatif - inisiatif berikut bagi memastikan Selangor terus kekal sebagai peneraju dalam sektor perindustrian di Malaysia. Antara inisiatif – inisiatif tersebut seperti berikut;-

- 1) **Strategi jangka masa panjang**;-
 - i. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.

- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui ***Majlis Mesyuarat*** yang ditubuhkan seperti:-
 - 1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
 - 2. Halal International Selangor Council
 - 3. *Selangor Aerospace Council*
 - 4. *Bio Tech – Council*
- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi pengalakkan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara-Negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti.
- iv. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui media cetak dan elektronik.
- v. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- vii. Cadangan pengkelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- ix. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.

2) Strategi jangka masa pendek;-

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukkan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM DAN KEMUDAHAN AWAM DI KAWASAN
PELANCONGAN**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk menambah laluan bas ke pusat tumpuan pelancong di Selangor contohnya seperti Bukit Broga Semenyih?
- b) Berapakah peruntukan dibelanjakan bagi menaiktaraf kawasan pelancongan di Selangor sepanjang tahun 2017?

JAWAPAN:

- a) Sambutan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor yang sangat memberangsangkan telah menyakinkan Kerajaan Negeri untuk sentiasa menambahbaik perkhidmatan ini dengan pertambahan jumlah bas serta tambahan laluan-laluan baru yang menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan iaitu:
 - i. Menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;
 - ii. Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;
 - iii. Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersil dan kompleks perniagaan; dan
 - iv. Mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT/MRT/BRT.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat laluan-laluan Bas Smart Selangor sedia ada yang melalui kawasan tumpuan pelancong seperti di Klang dan Kuala Selangor, namun bagi kawasan seperti Bukit Broga, Semenyih, selain daripada kriteria-kriteria yang dinyatakan, faktor-faktor lain juga perlu diambilkira oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum dicadangkan untuk pelaksanaan seperti keadaan jalan yang berbukit dan kawasan yang curam adalah tidak sesuai untuk laluan harian bas. Namun, kajian keperluan dan permintaan perlu dilaksanakan terlebih dahulu oleh PBT dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk

mengkaji kesesuaian laluan bagi operasi di kawasan tersebut demi keselamatan pengguna. Berdasarkan maklumat daripada APAD, laluan perkhidmatan bas sedia ada di Semenyih adalah dari Bandar Kesuma ke Pekan Kajang dengan melalui Jalan Semenyih, manakala perkhidmatan ke Bukit Broga buat masa ini tiada dalam perancangan kerana faktor kawasan penduduk.

- b) Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta kepada Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri bagi tujuan menaik taraf kawasan pelancongan di bawah perkara Menaik Taraf Produk Pelancongan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,225,957.42 telah dibelanjakan bagi tujuan menaik taraf produk pelancongan selepas mengambil kira penjimatan dan perbelanjaan bersih serta sebahagian peruntukan lagi telah dipindahkan untuk menampung perbelanjaan aktiviti promosi dan acara pelancongan negeri pada tahun tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : CADANGAN PERSEMPADANAN SEMULA SPR

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mulakan langkah-langkah perbincangan dengan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk membetulkan persempadan semula yang tidak adil di Negeri Selangor?
- b) Apakah cadangan Kerajaan Negeri kepada SPR untuk mengelakkan (dengan izin) "gerrymandering" di Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PENGIMPORAN SAMPAH

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kilang yang memproses sampah import yang berlesen di Selangor mengikut PBT.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri yang telah diambil terhadap kilang-kilang memproses sampah import secara haram?
- c) Adakah Kerajaan Negeri melarang kilang memproses jenis-jenis sampah import yang tertentu?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kilang yang memproses sampah import yang berlesen di Selangor mengikut PBT adalah sebanyak 88 buah. Berikut adalah perincian mengikut PBT di Selangor :

Jadual 1 : Jumlah kilang memproses sampah import berlesen mengikut PBT

PBT	JUMLAH KILANG YANG MEMPROSES SAMPAH IMPORT YANG BERLESEN
MBSA	0
MBPJ	0
MPK	31
MPAJ	0
PBT	JUMLAH KILANG YANG MEMPROSES SAMPAH IMPORT YANG BERLESEN
MPSJ	0
MPS	35
MPKj	0

MPSp	0
MDKL	3
MDHS	19
MDKS	0
MDSB	0
JUMLAH	88

Nota : Sumber data daripada PBT

- b) Kerajaan Negeri melalui PBT telah mengambil tindakan terhadap kilang-kilang yang dikenalpasti memproses sampah import secara haram iaitu memberhentikan operasi kilang-kilang yang berkaitan dengan membuat sitaan terhadap barang-barang dan menarik semula lesen yang diberikan ke atas kilang tersebut. Sekiranya pengilang tidak patuh kepada syarat yang dikenakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), tindakan operasi secara bersepadu dijalankan dengan kerjasama daripada agensi teknikal seperti Lembaga Urus Air Selangor, Pejabat Tanah Daerah, Tenaga Nasional Berhad (TNB), SYABAS dan agensi-agensi lain yang berkaitan.
- c) Buat masa ini, tiada sebarang arahan bagi melarang pengilang memproses sampah import kerana sekiranya kilang kitar semula ditutup, sampah-sampah yang dihantar ke tapak pelupusan akan bertambah. Walau bagaimanapun, prosedur pelesenan bagi aktiviti seperti ini adalah tertakluk kepada ulasan Jabatan Alam Sekitar bagi kesesuaian jenis aktiviti dan lokasi kilang sebelum kelulusan permohonan diberi oleh PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK DI PREMIS KERAJAAN DAN SWASTA

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan lebih banyak pusat asuhan dan jagaan kanak-kanak di semua premis swasta dan kerajaan demi perkembangan sahsiah keluarga yang baik?

JAWAPAN:

- a) Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk mewujudkan lebih banyak pusat asuhan dan jagaan kanak-kanak sama ada di premis swasta mahupun di bangunan kerajaan. Ini dapat dibuktikan dengan pelaksanaan Program Pengaktifan Penubuhan Taska Di Tempat Kerja Awam Peringkat Negeri Selangor yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor pada 1 November 2018 yang lalu di Shah Alam Convention Centre (SACC).

Melalui program berkenaan, para peserta telah diberikan pendedahan, ilmu pengetahuan dan penerangan yang jelas berhubung kepentingan dan keperluan untuk menubuhkan dan melaksanakan taska di tempat kerja berdasarkan peruntukan undang-undang kepada semua Agensi Kerajaan Awam Negeri dan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun di Negeri Selangor serta agensi lain yang turut terlibat seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pejabat Kesihatan Daerah.

Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri menyambut baik hasrat dan arahan dari Timbalan Menteri Pembangunan, Kebajikan Wanita dan Masyarakat untuk menyediakan Taska Tempat Kerja yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 di semua agensi kerajaan dan swasta di Negeri Selangor. Secara tidak langsung, penubuhan taska ini dapat menggalakkan terutama golongan wanita yang berkeluarga untuk bekerja dan menyumbangkan tenaga serta idea dan kemahirannya secara produktif dalam usaha meningkatkan ekonomi negeri dan negara serta perkembangan sahsiah keluarga yang baik dan sejahtera.